

Kerajaan negeri mahu dalamkan Sungai Pahang dengan kerjasama syarikat swasta

Korek sungai secara percuma

Oleh IKHWAN IDERIS

KUANTAN - Kerajaan negeri Pahang sedang berunding dengan sebuah syarikat swasta yang berminat melaksanakan

kerja-kerja mendalamkan Sungai Pahang secara percuma bagi mendapatkan pasir sungai.

Pengerusi

Jawatankuasa Kemudahan Asas dan Alam Sekitar negeri, Datuk Seri Mohd. Soffi Abd. Razak (**gambar kecil**) berkata, cadangan itu perlu dipertimbangkan kerana kos untuk mengorek pasir di Sungai Pahang yang mempunyai kelebaran sehingga 100 meter adalah tinggi.

"Saya akui Sungai Pahang sudah cetek, namun kerja-kerja mendalamkan sungai itu memerlukan belanja yang tinggi.

"Sebagai contoh, kos untuk mengeluarkan satu meter padu pasir dari sungai tersebut dianggarkan antara RM20 hingga RM30.

"Bagi sungai kecil, peralatan dan jentera yang digunakan mungkin lebih mudah namun Sungai Pahang yang mempunyai kelebaran sehingga 100 meter memerlukan kaedah teknikal mengorek yang berbeza manakala kosnya lebih besar.

"Apabila ada pihak yang mahu melakukan kerja-kerja mengorek pasir ini tanpa sebarang kos kepada kerajaan negeri, kami beranggapan ia satu usaha sama yang menarik dan harus dipertimbangkan. Namun, namun perjanjian mengenainya masih berada pada peringkat akhir perbincangan dan belum dimuktamadkan," katanya ke-



SUNGAI Pahang khususnya di Temerloh mengalami masalah sungai cetek yang membimbangkan.

Sungai Pahang yang mempunyai kelebaran sehingga 100 meter memerlukan kaedah teknikal mengorek yang berbeza manakala kosnya lebih besar

MOHD. SOFFI ABD. RAZAK



KERATAN *Kosmo!* semalam.

pada *Kosmo!* semalam.

Kosmo! sebelum ini melaporkan keadaan Sungai Pahang antaranya di Temerloh yang biasanya berkedalaman lebih dua meter mulai cetek dan kering sejak lebih seminggu lalu dipercayai berpunca daripada aktiviti pembalakan yang berleluasa di kawasan hulu sungai.

Bagaimanapun, Mohd. Soffi menganggap kejadian Sungai Pahang yang semakin cetek sebagai satu proses biasa yang disebabkan mendapan tanah akibat proses hakisan semula jadi selain pembangunan tanah di sepanjang kawasan sungai




KERATAN *Kosmo!* 22 Julai 2015.

tersebut.


Sementara itu, Naib Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia, Prof. Dr. Ahmad Ismail berkata, kerajaan negeri Pahang sepatutnya menyelesaikan dahulu masalah atau punca yang menyebabkan Sungai Pahang semakin cetek.

Katanya, jika punca kepada masalah tersebut tidak diselesaikan dengan segera, kerja-kerja mengorek pasir bagi mendalamkan sungai tersebut akan menjadi sia-sia sahaja kerana ia akan berlaku semula.

"Dalam hal ini saya fikir kerajaan Pahang sudah mengetahui



KERJA-KERJA mengorek pasir di Sungai Pahang memerlukan kos yang tinggi disebabkan sungai tersebut lebar dan panjang.



INFO Sungai Pahang

- Merupakan sungai yang terpanjang di Semenanjung Malaysia iaitu sepanjang 459 kilometer.
- Merentasi daerah Jerantut, Temerloh, Maran, Bera dan Pekan.
- Berpunca dari Banjaran Titiwangsa.

puncanya tetapi penyelesaian secara total tidak dilakukan. Jika ia berlaku disebabkan penerokaan tanah, kawal punca itu dan jika disebabkan penerokaan hutan, selesaikan segera isu penerokaan hutan," ujarnya.

Ahmad menegaskan, kerajaan Pahang juga perlu memastikan pihak yang melaksanakan kerja-kerja mengorek pasir di Sungai

Pahang mematuhi peraturan bagi memastikan tiada kemusnahan alam sekitar dan ekosistem di kawasan terbabit.

"Pihak yang terjejas seperti penduduk kampung serta nelayan sungai dan penternak ikan sangkar mesti diberi maklumat sepenuhnya bagi mengelakkan mereka mengalami kerugian," ujarnya.